

MPP UMS adakan Majlis Ramah Mesra bersama MPP USIM

UB 3.5.2018 B2

KOTA KINABALU: Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan sesi Ramah Mesra Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMS bersama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Univesriti Sains Islam Malaysia (USIM) pada 7 April 2018 bertempat di Bilik Seminar, JHEP, UMS.

MPP USIM menjalankan program Jaulah Mahabbah ke UMS yang merupakan program delegasi USIM.

Program ini dimulakan dengan MPP USIM mengadakan lawatan dan membuat aktiviti ke Sekolah Agama Ranau Sabah selama sehari iaitu pada 4 April hingga 5 April 2018. Kemudian, pada 6 April 2018 MPP USIM mengadakan lawatan sekitar UMS yang dibawa oleh MPP

UMS serta mengadakan perbincangan dua hala.

Pada Majlis Ramah Mesra ini turut diadakan makan malam bagi meraihan delegasi dari MPP USIM.

Presiden MPP UMS, Jusman Nali menyambut baik kehadiran delegasi daripada MPP USIM dan Presiden MPP USIM iaitu Muhd Faris Abd Gani juga mengucapkan terima kasih di atas layanan baik pihak UMS berikan semasa berada di UMS.

Turut hadir pada majlis Ramah Mesra ini Timbalan Naib Canselor (HEPA) UMS Prof. Dr. Ismail Ali, Timbalan Naib Canselor (HEPA) USIM Prof Dato Dr Hassan Basri Awang Md Dahan, Ketua JHEP Ahmadi Nurdin, barisan MPP UMS dan MPP USIM.